43

NO. SOALAN: 27

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB. DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI [SIPITANG]**
TARIKH	:	**14 NOVEMBER 2017**
SOALAN	:	

YB. Datuk Sapawi Bin Ahmad Wasali [Sipitang] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan sehingga kini berapa banyak kutipan diperolehi menerusi Cukai Pelancongan sejak ia dilaksanakan pada 1 Ogos tahun ini dan bagaimana pengagihannya kepada negeri-negeri untuk memajukan industri pelancongan.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, tarikh kutipan Cukai Pelancongan hanya mula berkuatkuasa pada 1 September 2017. Di bawah Fasal V perkara 18(1), tempoh bercukai atau *(taxable period)* bagi Cukai Pelancongan ialah tiga bulan yang berakhir pada hari terakhir mana-mana bulan bagi mana-mana tahun kalendar. Oleh itu, pembayaran (remit) oleh pengendali penginapan kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) hanya akan dibuat selepas tarikh 30 November 2017.

Manakala, di bawah Fasal V perkara 18 (2), hanya pengendali premis penginapan yang telah berdaftar di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 (Akta 762) diberikan tempoh bercukai yang sama di bawah Akta Cukai Pelancongan. Oleh itu, adalah masih terlalu awal bagi JKDM untuk memaklumkan jumlah kutipan yang telah dikutip.

Berkenaan dengan agihan hasil Cukai Pelancongan, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan bercadang untuk mengagihkan semula RM1.00 bagi setiap RM10.00 setiap bilik semalam (*room night*) yang dikutip kepada negeri-negeri bagi tujuan promosi sektor pelancongan bagi memastikan semua negeri mendapat hasil daripada kutipan cukai. Kerajaan akan memastikan agihan hasil kutipan cukai pelancongan dimanfaatkan sebaiknya bagi menambah baik industri pelancongan negara daripada segenap aspek seiring dengan kedudukannya sebagai salah satu bidang keutamaan negara.

Sekian, terima kasih.